

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 18 FEBRUARI 2022
AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4

Teknologi robotik 'ganti' buruh asing

Kerajaan bangunkan pelan NRR, kurangkan kebergantungan tenaga luar

Teknologi robotik 'ganti' buruh asing

Oleh LUQMAN RIDHWAN
MOHD. NOR

PUTRAJAYA – Bagi meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh asing, kerajaan membangunkan Pelan Hala Tuju Robotik Negara (NRR) dalam mengurusperdanakan penggunaan teknologi robotik.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, keputusan itu dibuat melalui mesyuarat Majlis Ekonomi Digital dan Revolusi Perindustrian Keempat Negara (MED4IRN) yang diadakan buat kali pertama bagi tahun 2022 semalam.

"Pelan ini (NRR) mampu

meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh asing seterusnya meminimumkan pengaliran mata wang ke luar negara.

"Kepadatan robot di Malaysia bagi setiap 10,000 pekerja pada tahun 2019 adalah 55 unit dan sasarannya adalah 195 unit bagi setiap 10,000 pekerja pada tahun 2030," katanya menerusi kenyataan di sini semalam.

Terdahulu, beliau mempengerusikan (MED4IRN) yang turut dihadiri Menteri-Menteri serta Ketua Jabatan dan Agensi terlibat secara dalam talian.

Mengulas lanjut, Ismail Sabri berkata, MED4IRN juga menyokong konsep Projek Pemang-

kin (Catalytic Projects) bagi memacu Aspirasi MyDIGITAL.

"Mesyuarat bersetuju menubuhkan Pasukan Petugas Projek Pemangkin MyDIGITAL untuk memilih projek yang sesuai dan memantau pelaksanaan yang merupakan kerjasama antara sektor awam dan swasta," katanya.

Ujarnya, antara contoh projek pemangkin adalah perubatan pintar yang menyasarkan penubuhan hospital yang menggunakan teknologi 5G bagi meningkatkan taraf penjagaan kesihatan rakyat.

Selain itu, katanya, adalah Bandar Pintar yang menyasarkan pelbagai kes kegunaan berguna bagi memastikan kelestarian kehidupan yang lebih bermakna.



ISMAIL SABRI mengumumkan pelan NRR yang bakal mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh asing.